Siswa UMS bantu pelajar sekolah luar bandar asah kemahiran berfikir berkonsepkan STEM

NST 24.4.2019 2.

KOTA KINABALU: Program Mentor Mentee STEM yang dianjurkan siswa pascasiswazah Program Ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran), Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu membantu pelajar sekolah luar bandar untuk meningkatkan kemahiran berfikir masa depan berasaskan konsep Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Program yang berlangsung di SMK Matunggong, Kudat itu melibatkan penyertaan seramai 45 orang pelajar Tingkatan 4 di bawah seliaan pensyarah UMS, Dr. Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah.

Menurut Dr. Sopiah, program tersebut terbahagi kepada dua aktiviti, dengan sembilan kumpulan dibentuk untuk menyelesaikan setiap aktiviti STEM yang diberikan.

"Aktiviti STEM pertama adalah berkisar tentang perkembangan kapal laut, dengan para peserta diminta mencipta sebuah kapal laut sesuai dengan keperluan masa hadapan.

"Manakala, aktiviti STEM kedua memerlukan setiap kumpulan mereka cipta telefon bimbit masa hadapan bagi memenuhi keperluan masyarakat, dan kedua-dua aktiviti tersebut memerlukan mereka untuk mengadakan perbincangan serta menghasilkan reka bentuk atau prototaip bagi projek yang dihasilkan," katanya.

Menurut beliau lagi, melalui aktiviti yang dijalankan para peserta mampu menghasilkan reka cipta masa hadapan yang dihasilkan tanpa mengabaikan tuntutan nilai sejagat, selain mampu mengaitkan ciptaan masa depan sesuai dengan perkembangan sains, teknologi dan ekonomi, penggunaan tenaga lestari dan teknologi hijau, dan penjagaan alam sekitar, serta mengaplikasi konsep fizik yang dipelajari ke dalam pembinaan prototaip.

Program diakhiri dengan majlis penyampaian cenderamata oleh Dr. Sopiah kepada wakil pengetua SMK Matunggong, Ida Diyana